



1 September 2016
1 September 2016
P.U. (B) 390

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERISYTIHARAN OBJEK WARISAN (NO. 3) 2016

DECLARATION OF HERITAGE OBJECT (NO. 3) 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA WARISAN KEBANGSAAN 2005

PERISYTIHARAN OBJEK WARISAN (NO. 3) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 49(1) Akta Warisan Kebangsaan 2005 [*Akta 645*], Pesuruhjaya mengisytiharkan objek yang disenaraikan dalam Jadual yang dipunyai oleh Bank Negara Malaysia dan dipamerkan di Galeri Numismatik Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur sebagai objek warisan.

JADUAL

1. Syiling emas zaman pemerintahan Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah (1718-1722), Johor
2. Duit timah berbentuk ayam jantan Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin Mu'adzam Shah II (1710-1773), Kedah
3. Syiling emas kupang (bulat) zaman pemerintahan Sultan Abdul Jalil Riayat Shah II (1571-1597), Johor
4. Syiling emas kupang (segi lapan) zaman pemerintahan Sultan Abdul Jalil Riayat Shah II (1571-1597), Johor
5. Syiling emas kupang zaman pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah III (1597-1615), Johor
6. Syiling perak suku penjuru zaman pemerintahan Sultan Abdul Jalil Shah III (1623-1677), Johor
7. Syiling tembaga tarra zaman pemerintahan Sultan Dhiauddin Mukarram Shah (1661-1687), Kedah
8. Syiling emas kupang zaman pemerintahan Sultan Dhiauddin Mukarram Shah (1661-1687), Kedah
9. Syiling emas mas zaman pemerintahan Sultan Mahmud Shah II (1685-1699), Johor